

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Allianz Cyber Premium Protect anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh:

1

Apa itu insurans Allianz Cyber Premium Protect?

Insurans Allianz Cyber Premium Protect melindungi perniagaan anda dari risiko berasaskan internet, risiko berkaitan dengan infrastruktur teknologi maklumat, privasi dan kerahsiaan maklumat, dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM45,000.00 setahun, anda menerima perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none"> • Liabiliti Pihak Ketiga – ganti rugi dan kos pembelaan di bawah perlindungan di bawah: <ul style="list-style-type: none"> ○ Perlindungan pelanggaran Privasi Kerahsiaan ○ Perlindungan Keselamatan Rangkaian ○ Perlindungan Liabiliti Media (misalnya, penerbitan atau siaran kandungan media digital yang memfitnah) ○ Perlindungan kos dan denda pengawalseliaan ○ Perlindungan kos siasatan dalaman ○ Perlindungan dana pampasan pengguna ○ Perlindungan bagi pelanggaran Standard Sekuriti Data bagi Industri Kad Bayaran • Kerugian Gangguan Perniagaan – disebabkan ketidakterseediaan sepenuhnya atau sebahagiannya system computer anda akibat serangan siber • Kos pengurusan krisis yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> ○ Kos forensik ○ Kos tindak balas pelanggaran data ○ Kos penyesuaian kerugian ○ Kos nasihat reputasi • Kerugian pihak pertama: <ul style="list-style-type: none"> ○ Perlindungan kecurian oleh penggodam (bagi kehilangan dana yang anda salah bayar disebabkan serangan siber) ○ Perlindungan pemerasan siber (bagi kehilangan pemerasan siber yang ditanggung akibat ancaman pemerasan siber) <p>Polisi ini juga diperluaskan untuk merangkumi perlindungan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos Pemberitahuan Sukarela • Gangguan perniagaan akibat kesilapan manusia atau kegagalan teknikal • Gangguan perniagaan akibat keperluan undang-undang atau peraturan • Kos pengurangan bagi tuntutan • Kos pengurangan dan pemulihan bagi gangguan perniagaan • Penambahbaikan (<i>betterment</i>)Peningkatan berikutan kejadian yang diinsuranskan • Kos Kecemasan 	<p>Sebarang kerugian yang timbul daripada, berdasarkan, atau disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketidak jujur atau tindakan tidak wajar • Kecederaan badan dan kerosakan harta benda • Liabiliti kontrak • Tuntutan terdahulu atau kerugian yang telah dijangka • Rahsia perdagangan dan harta intelek • Peperangan, rompakan dan tindakan kerajaan • Perdagangan – kerugian atau liabiliti berkaitan dengan pembelian atau penjualan atau urusan lain dalam sekuriti, komoditi, derivatif, dana asing atau tangguhan, mata wang, pertukaran asing dan seumpamanya • Pencemaran • Peril semula jadi • Yuran lesen • Tuntutan sekuriti • Tuntutan syarikat melawan orang yang diinsuranskan – tuntutan yang dibawa oleh atau bagi pihak atau atas dorongan syarikat anda (iaitu pemegang polisi dan anak syarikatnya) • Penerangan dan komunikasi kewangan yang tidak mencukupi – terpakai untuk perlindungan Liabiliti Media sahaja <ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian berikut hanya terpakai bagi Kerugian Gangguan Perniagaan, Kos Pemulihan dan Gangguan Perniagaan akibat Keperluan Undang-Undang atau Peraturan: <ul style="list-style-type: none"> ○ Gangguan rangkaian (terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan) ○ Gangguan berjadual (terhadap sistem komputer anda) ○ Permintaan Tidak Dijangka – kegagalan anda untuk meramalkan atau merancang permintaan operasi bagi sistem komputer anda kecuali di mana permintaan tersebut adalah hasil daripada serangan siber

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Tempoh perlindungan adalah setahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Allianz Cyber Premium Protect kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
<https://www.allianz.com.my/CPi>



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan anda adalah agensi penarafan kredit dengan hasil tahunan sebanyak RM25,000,000, dengan had indemniti RM3,000,000 untuk mana-mana satu kejadian dan secara agregat, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Perlindungan Asas	RM45,000.00
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada premium atau RM6,750.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM3,600.00
Duti Setem	RM10.00

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak bagi kontrak insurans bukan pengguna (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda mesti memberi Allianz borang permohonan yang telah dilengkapkan, ditandatangani dan bertarikh untuk penilaian kami.
- Anda mesti memastikan had liabiliti anda adalah memadai untuk melindungi pendedahan risiko anda.
- Anda mesti mengisytiharkan maklumat tepat berkaitan risiko dan pengalaman tuntutan anda.
- Waranti Premium– Premium perlu dibayar dan diterima oleh Allianz dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi insurans. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata 60 hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Polisi ini boleh dibatalkan dengan persetujuan bersama antara anda dan Allianz.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).